

PM: JANGAN TERPENGARUH DAKYAH POLITIK PEMBANGKANG

MM 16 MAR 1986

Oleh Razak Hussein

TEROLAK 15 Mac — Masyarakat Islam di negara ini diingatkan supaya jangan terpengaruh dengan dakwah politik parti pembangkang yang menjadi ahli cucuk di zaman kemelesetan ekonomi sekarang di samping menjual ayat-ayat Quran untuk mendapatkan undi.

Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad ketika mengingatkan demikian menambah, ahli-ahli politik pembangkang yang jadi tukang cucuk ini mengambil kesempatan daripada keadaan kemelesetan dan kejatuhan harga barangan utama keluaran negara sekarang.

Berucap di perhimpunan di FELDA Terolak Selatan di sini hari ini beliau mengingatkan rakyat supaya berwaspada dengan golongan tersebut yang semata-mata memikirkan kepentingan politik sahaja.

"Mereka ini bukannya berhasrat untuk menolong kita, tetapi bercita-cita supaya bencikan kerajaan dan akan mendapat sokongan pula semasa pilihanraya umum nanti," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun tidak menyebutkan nama parti politik berkenaan

an tetapi menegaskan bahawa golongan itu menggunakan ayat-ayat Al-Quran untuk mendapatkan satu undi.

Menurutnya, mereka itu hanya mengutamakan kepentingan politik peribadi tanpa memperdulikan penderitaan rakyat.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO Malaysia berkata, hasrat kerajaan mewujudkan rancangan FELDA bertujuan mengatasi penderitaan rakyat dan memberi peluang sebaiknya bagi meninggalkan taraf hidup para penerokanya bagi menempuh masa hadapan.

Beliau mengajak para peneroka terus tabah menghadapi kemelesetan ekonomi sekarang dengan kejatuhan harga kelapa sawit dan mengajak masyarakat FELDA supaya menggunakan kebolehan sendiri bagi mencari jalan mengatasi keadaan semasa.

Katanya, para peneroka FELDA boleh berternak kambing, menanam sayur, membuat kerja tangan, memelihara rusa dan sebagainya.

Berbanding dengan sektor-sektor lain, masyarakat FELDA adalah amat bertuah kerana tidak hilang pekerjaan semasa kemelesetan ekonomi kini kerana masih ada jalan untuk mencari rezeki harian," tegasnya.

Beliau mengulangi kenyataannya bahawa rakyat dan peneroka tidak boleh berpiket dan marah dengan berpiket untuk menaikkan harga sawit atau getah kerana perbuatan demikian adalah menguntungkan pihak lain.

Rombongan Perdana Menteri yang disertai oleh Menteri Besar Perak Dato' Sri Ramli Ngah Talib tiba dengan helikopter di Pusat Latihan FELDA (INPUT) dan sebaik sahaja tiba Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menghadiri majlis tertutup kursus 'ala komando' di pusat itu anjuran Pergerakan Pemuda UMNO Perak.

Selepas upacara itu Datuk Sri Dr. Mahathir berkereta ke padang Sekolah Kebangsaan FELDA Terolak Selatan dan berucap di hadapan lebih 4,000 orang peneroka kira-kira pukul 12.30 tengah hari, beliau berlepas pulang ke ibu negara pada kira-kira pukul 2.00 petang.